

Hasmy usaha tangani isu dalaman Suhakam

SHAH ALAM — Pengerusi baru Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) Tan Sri Hasmy Agam berkata, beliau tidak mensia-siakan kepercayaan yang diberikan dan akan berusaha memangani isu dalaman suruhanjaya itu dengan sebaiknya.

Menurutnya, persediaan menghadiri mesyuarat rasmi dengan semua anggota suruhanjaya itu yang ber kemungkinan dijadualkan minggu depan sedang dilakukan, bagi mengetahui tugas masing-masing termasuk menentukan kajian awal terhadap keseluruhan permasalahan awam yang pernah diajukan kepada Suhakam.

Ditanya mengenai isu dalaman Suhakam, beliau yang baru pulang dari pejabat suruhanjaya itu semalam berkata, setakat ini hanya diperkenalkan dengan pentadbiran Suhakam,



● HASMY AGAM

tetapi belum lagi dimaklumkan secara terperinci berkaitan maklumat dan isu semasa suruhanjaya itu.

"Pelantikan ini menandakan saya sekali lagi memegang amanah yang besar, saya berterima kasih di atas kepercayaan yang diberi serta perkenan Yang di-Pertuan Agong.

"Apa yang perlu dilakukan ialah mendapatkan maklumat terperinci berhubung semua perkara yang pernah diajukan kepada Suhakam, termasuk mem-

buat perjumpaan rasmi dengan semua anggota lama dan baru," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Kelmanarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan menurut Subseksyen 5(2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong perkenan pelantikan anggota Suhakam berkuat kuasa 26 April lalu untuk tempoh tiga tahun dengan Tan Sri Hasmy Agam dilantik sebagai Pengerusi.

Anggota baru Suhakam ialah Muhammad Sha'ani Abdullah, Profesor Datuk Dr Khaw Lake Tee, James Deva Nayagan, Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi A Majid, Jannie Lasimbang dan Detta anak Samen.

Pengerusi Suhakam sebelum ini ialah bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.